



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
ENCIK AISYAMUDDIN BIN ABD LATIP,
PENGARANG KEHORMAT AHLI PERSATUAN SEJARAH SEGAMAT
MENGENAI SEJARAH KAMPUNG SEPINANG DAN
KAMPUNG GELANG CHINCHIN**

FATIN NADYA BINTI HANIM

(2022787487)

NURUL AIN NATASHA BINTI HAYAZI

(2022782443)

SEMESTER MAC 2023 – OGOS 2023

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
ENCIK AISYAMUDDIN BIN ABD LATIP,
PENGARANG KEHORMAT AHLI PERSATUAN SEJARAH SEGAMAT
MENGENAI SEJARAH KAMPUNG SEPINANG DAN
KAMPUN GELANG CHINCHIN**

NAMA PELAJAR: FATIN NADYA BINTI HANIM

(2022787487)

NAMA PELAJAR: NURUL AIN NATASHA BINTI HAYAZI

(2022782443)

**KOLEJ PENGAJIAN PENGKOMPUTERAN, INFORMATIK &
MATEMATIK**

SEMESTER MAC 2023 – OGOS 2023

ISI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
i.	Abstrak	i
ii.	Penghargaan	ii
iii.	Senarai Abreviasi	iii
iv.	Senarai Singkatan	iv
v.	Rujukan Kata	v-vi
1.0	Biodata Penembual 1.1 Penemubual Pertama 1.2 Penemubual Kedua	1-3
2.0	Biodata Tokoh / Pengkisah 2.1 Biodata Pengkisah 2.2 Pengenalan kepada Pengkisah	4-6
3.0	Pengenalan Sejarah Lisan 3.1 Pengenalan 3.2 Objektif Sejarah Lisan 3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	7-8
4.0	Kajian Literatur	9-11
5.0	Transkrip Temubual Bersama Pengkisah	12-73
6.0	Ralat	74-75
7.0	Log Temubual	76-91
8.0	Glosari	92-93
9.0	Indeks	94-100
10.0	Bibliografi	101-102
11.0	Lampiran 11.1 Surat Perjanjian 11.2 Senarai Soalan 11.3 Diari Penyelidikan 11.4 Gambar, sijil-sijil dan bahan lain yang berkaitan	103-119

ABSTRAK

Abstrak : *Transkrip ini mengandungi kandungan rakaman yang menyeluruh terhadap temu bual yang mengisahkan tentang Kampung Sepinang dan Kampung Gelang Chinchin bersama tokoh yang mempunyai ilmu yang banyak mengenai sejarah dan peristiwa kampung tersebut iaitu Encik Aisyamuddin Bin Abd. Latip yang juga merupakan Pengarang Kehormat Persatuan Sejarah Segamat merangkap pelajar sepenuh masa Sarjana Seni Bina di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Pengetahuan beliau mengenai kedua-dua kampung ini telah banyak membantu dalam merekodkan sejarah asal usul Kampung Sepinang dan Kampung Gelang Chinchin. Bentuk-bentuk soalan yang diajukan adalah seperti soalan terperinci atau soalan umum serta maklumat tambahan mengenai Kampung Sepinang dan Kampung Gelang Chinchin. Sesi temubual ini dilaksanakan di Perpustakaan Sultanah Zanariah, UTM berdurasi selama 59 minit 45 saat pada 27 Jun 2023 yang merupakan tempat pengkisah menuntut ilmu. Diharapkan melalui proses temubual dan penghasilan transkrip ini dapat menyumbang kepada generasi akan datang bagi memberi maklumat meluas mengenai sejarah Kampung Sepinang dan Kampung Gelang Chinchin.*

Kata kunci : Kampung Sepinang, Kampung Gelang Chinchin, sejarah lisan, Segamat, Sejarah

Abstract : *This following transcript containing interview session of Kampung Sepinang and Kampung Gelang Chinchin that have been told by figure that have plenty of knowledge pertaining both places, Mr. Aisyamuddin Bin Abd. Latip that is also an Honorary Editor of Segamat History Association and full-time Master of Architecture student at Universiti Teknologi Malaysia (UTM). His knowledge of both places has contributed a lot in the process of this transcript. Types of question that been asked is specific questions and general questions and additional information of both Kampung Sepinang and Kampung Gelang Chinchin. The interview session located at Sultanah Zanariah Library with the duration of 59 minutes and 45 seconds at 27 June 2023, where it also the places of the interviewee's furthering his studies. With hope of this transcript will benefit future generation of history of Kampung Sepinang dan Kampung Gelang Chinchin.*

Key words : Kampung Sepinang, Kampung Gelang Chinchin, oral history, Segamat, History.

PENGHARGAAN

Dengan penuh kesyukuran, saya Nurul Ain Natasha binti Hayazi dan rakan seperjuangan saya iaitu Fatin Nadya binti Hanim bersyukur kerana kami telah berusaha dan berjaya dalam menyiapkan tugas transkrip yang bertajuk sejarah Kampung Sepinang dan Kampung Gelang Chinchin pada semester ini. Kami juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan yang tidak terhingga kepada pensyarah kami iaitu Puan Azura binti Abdul Jamil @ Kamaruddzaman dan beliau sentiasa menyokong dengan memberi kata-kata semangat sepanjang tempoh menyiapkan transkrip ini. Tambahan pula, beliau juga turut memberikan sepenuh kepercayaan kepada kami untuk menyiapkan tugas transkrip dalam tempoh yang telah diberikan. Dalam sepanjang proses tugas ini disiapkan, beliau banyak membantu dan memberi tunjuk ajar sepanjang tugas ini dijalankan.

Sekalung ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibu bapa kami kerana telah membantu kami dalam menyiapkan tugas transkrip ini dan sentiasa mendoakan yang terbaik untuk kami. Di samping itu, ucapan ini juga ditujukan kepada rakan-rakan yang lain yang terlibat secara langsung atau tidak langsung kerana mereka juga telah membantu kami dalam menyiapkan tugas ini.

Akhir sekali, kami berharap agar titikpeluh kami dan sokongan yang telah diberikan dapat membuahkan hasil dengan memperoleh kejayaan pada masa hadapan serta memberikan pengalaman yang bermakna sepanjang melaksanakan tugas transkrip ini.

SENARAI ABREVIASI

BIL.	SINGKATAN	NAMA PENUH
1.	UTM	Universiti Teknologi Malaysia
2.	D.O	District Officer
3.	RTM	Radio Televisyen Malaysia
4.	LLN	Lembaga Letrik Negara
5.	VIP	Very Important Person
6.	JKR	Jabatan Kerja Raya
7.	PWD	Public Works Department

SENARAI SINGKATAN

NAN: Nurul Ain Natasha binti Hayazi

FNH: Fatin Nadya binti Hanim

AAL: Aisyamuddin bin Abd. Latip

RUJUKAN KATA

takde	tiada
bape	berapa
tak	tidak
tu	itu
gitu	begitu
amik	ambil
kat	dekat
jelah	sahaja
mintak	minta
pasal	fasal
taknak	tidak mahu
ni	ini
je	sahaja
cane	macam mana?
diorang	dia orang
gak	juga
jugak	juga
tetiba	tiba-tiba
dah	sudah
nak	hendak
ngan	dengan
pastu	selepas itu
babtu	sebab itu


laki	lelaki
sape	siapa
gi	pergi
takkan	tidak akan
dahtu	sesudah itu
taktahu	tidak tahu
tika	ketika

BIODATA


PENEMUBUAL

1.0 BIODATA PENEMUBUAL

1.1 Penemubual Pertama

PENEMUBUAL 1	
	
Nama:	Nurul Ain Natasha binti Hayazi
Alamat:	Pos 2, KM 76 Jalan Air Hitam, 86200 Simpang Rengam, Kluang, Johor.
Nombor Telefon:	016-2806645
Emel:	ainhayazi23@gmail.com
Program:	Pengurusan Rekod, Fakulti Pengurusan Maklumat Universiti Teknologi MARA Kampus Segamat

1.2 Penemubual Kedua


PENEMUBUAL 2	
	
Nama:	Fatin Nadya Binti Hanim
Alamat:	No 218 Jalan SP 17, Taman Serom Perdana, 84900, Tangkak, Johor
Nombor Telefon:	019-7626011
Emel:	fatinnadyahanim@gmail.com
Program:	Pengurusan Rekod, Fakulti Pengurusan Maklumat Universiti Teknologi MARA Kampus Segamat

BIODATA

PENGGKISAH

2.0 BIODATA PENGKISAH

2.1 Biodata Pengkisah

Pengkisah	
	
Nama:	Aisyamuddin bin Abd. Latip
Nama Samaran:	Muddin / Aisyam
Tarikh Lahir:	17 Januari 1995
Tempat Lahir:	Kampung Alai
Alamat:	Kampung Alai, Gemereh, Segamat.
Nombor Telefon:	010-4210524
Emel:	aisyam.muddin95@gmail.com
Profession:	Pelajar Sarjana Seni Bina di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Pengarang Kehormat Persatuan Sejarah Segamat
Bidang:	Arkitek

2.2 Pengenalan Kepada Pengkisah

Encik Aisyamuddin bin Abd. Latip telah melibatkan diri di dalam Persatuan Sejarah Malaysia kawasan Segamat pada tahun 2019 dan merupakan tarikh awal bagi penubuhan persatuan tersebut. Faktor yang telah menyebabkan beliau terlibat di dalam Persatuan Sejarah Malaysia kawasan Segamat adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat dalam perihal merekodkan dokumentasi warisan dan sejarah yang terdapat di Segamat. Selain itu, beliau juga berpendapat bahawa dengan penglibatan di dalam persatuan ini juga dapat menaikkan taraf sektor ekonomi dan juga sektor pelancongan di sekitar kawasan Segamat

PENGENALAN SEJARAH LISAN

3.0 SEJARAH LISAN

3.1 Pengenalan

Kajian sejarah lisan merupakan kajian yang dibuat melalui kaedah menemu ramah penduduk yang mahir mengenai sesuatu tempat yang mempunyai sejarah yang tersendiri. Mengikut kepada kawasan sejarah kami, kami ditugaskan untuk mencari kisah yang menarik serta sejarah di Kampung Sepinang dan Kampung Gelang Chinchin. Lokasi kawasan tersebut adalah sekitar kawasan Taman Yayasan, yang terletak di Segamat, Johor.

3.2 Objektif Sejarah Lisan

Tujuan sejarah ini dilakukan adalah untuk mengkaji sejarah latar belakang Kampung Sepinang dan Kampung Gelang Chinchin. Selain itu, dapat meneroka lebih banyak sejarah yang unik dan menarik mengenai Kampung Sepinang dan Kampung Gelang Chinchin. Dalam pada yang sama, berpeluang untuk melawat tempat sejarah dan dapat mengetahui lebih mendalam tentang tempat seperti Kampung Sepinang dan Kampung Gelang Chinchin yang mempunyai penceritaan tersendiri.

3.3 Kepentingan Sejarah Lisan

Antara kepentingan sejarah lisan secara umum adalah dapat membuka minda masyarakat mengenai Kampung Sepinang dan Kampung Gelang Chinchin. Perkara ini amat penting kerana masyarakat berhak tahu lebih lanjut mengenai sejarah unik ini dan ianya tidak sepatutnya terkubur dan hanya menjadi pampangan di papan tanda jalan. Sumbangan pengkajian ini sudah semestinya adalah untuk mengenali dengan lebih mendalam sejarah dan pengkisahan cerita tentang kampung-kampung ini kerana setiap kampung itu perlu diangkat kerana mempunyai keunikan tersendiri. Selain itu, sumbangan pengajian ini juga adalah untuk menerbitkan transkrip mengenai sejarah perkampungan ini dengan kerjasama Persatuan Sejarah Segamat.

KAJIAN LITERATUR

4.0 KAJIAN LITERATUR

Sejarah lisan merupakan kaedah yang tidak asing lagi bagi mendapatkan maklumat yang sahih. Ianya biasa didapati dalam kajian akademik bagi pelajar atau penuntut mahasiswa yang ingin mendapatkan maklumat asli. Sejarah lisan juga merupakan teknik yang sudah lama digunakan bagi tujuan akademik bagi peroleh sumber maklumat yang tepat. Sumber lisan boleh dianggap sebagai satu sumber utama atau sumber primer yang hasilnya merupakan dari rakaman perbualan yang telah dirancang (Siti et al, 2012). Sejarah lisan juga akan menjadi lebih menarik sekiranya terdapat elemen tambahan yang tidak terakam melalu perakam suara iaitu dengan adanya suara-suara alternatif (Padiatra, 2021).

Sejarah lisan amat memberikan kepentingan yang mendalam terhadap kaedah dalam pembelajaran. Ianya mampu menyumbang kepada penulisan historiografi dalam peradaban manusia (Lin, 2019). Kenyataan ini juga boleh disokong melalui artikel dari (Siti et al, 2012) yang menyatakan sejarah lisan berperanan dalam menaikkan sejarah memasuki dalam sesuatu masyarakat. Selain itu, ia juga ada turut menyatakan betapa pentingnya untuk membina semula sejarah kerana perlu memastikan rekod-rekod yang hilang dibina semula oleh kerana penjajah yang menyebabkan orang terdahulu kehilangan rekod mengenai sejarah yang telah terjadi.

Menurut Ismail (2011), alam melaksanakan, sesuatu sejarah lisan, terdapat beberapa adab yang perlu dipatuhi oleh penemu ramah, antaranya ialah sentiasa bersedia untuk mendengar pengkisah untuk menceritakan kisah beliau dan hormat dengan kisah yang sedang diceritakan dengan tidak membantah atau turut bercakap semasa pengkisah sedang bercerita, penemu ramah tidak boleh mengubah apa sahaja cerita yang diceritakan oleh pengkisah, penemu ramah perlu sentiasa memastikan pengkisah tidak menyimpang jauh dari topik yang sepatutnya dibicarakan dan juga memanfaatkan setiap masa yang ada bagi peroleh maklumat yang diperlukan. Selain itu, penemu ramah juga perlu siap sedia bersama alat perakam Nadzan (n.d) agar tiada maklumat yang tertinggal, dan juga dinasihatkan agar tiada apa-apa halangan yang berlaku sepanjang proses temu ramah dijalankan. Ini kerana ianya akan mengganggu kelancaran sesi temu ramah.

Namun begitu, menurut Erman (2011) terdapat kritik mengenai kesahihan sejarah lisan dalam dijadikan sebagai sumber yang boleh dipercayai. Walaupun begitu, Lin (2019) ada menyokong kenyataan tersebut kerana berpendapat bahawa walaupun sesuatu dokumen itu dalam bentuk tekstual, ianya juga berasal dari sejarah lisan kerana pernah dinyatakan oleh seseorang yang

tersohor di kalangan masyarakat. Tambahan pula, sejarah lisan ini merupakan metod tertua dalam sejarah yang dinaikkan oleh Herodotus dan dipopularkan oleh Allan Nevins (JOKO, 2020). Melalui sejarah yang lampau juga dapat diselikan kerana kemampuan kaedah ini dalam merakamkan fakta yang baharu serta mengesahkan dan membetulkan semula fakta sejarah yang telah sedia ada.

Menurut JOKO, (2020) membawa makna lain bagi sejarah lisan sebagai “biografi masyarakat” kerana iangat dipengaruhi oleh perkembangan sejarah kini lebih terbuka mengenai proses dan juga persoalan struktur dan objek sejarah. Menurut beliau juga, kesulitan pasti akan berlaku sekiranya perancangan yang lebih berstruktur tidak dijalankan dengan baik. Ini kerana perancangan yang baik merupakan refleksi kepada hasil yang dijangka diakhir sejarah lisan ini dijalankan bagi penemu ramah dalam melaksanakan tinjauan atau penceritaan yang tersendiri. Sejarah lisan juga mempunyai jaminan bahawa ianya merupakan fakta yang boleh diguna pakai dan mempunyai kekuatan kepercayaan setara dengan sumber dokumen.

Menurut Mohamed, Ayu & Wayu (n.d) ada mendefinisikan sejarah lisan sebagai satu cara atau kaedah dalam bentuk pertanyaan bagi peroleh maklumat-maklumat yang lebih mendalam kepada sejarah bertulis. Kenyataan ini juga disokong oleh Lisan Arkib Negara Malaysia (1991) iaitu sejarah lisan merupakan teknik bagi peroleh semula kenangan daripada seseorang yang ditemu ramah melalui sesi temu ramah yang sudah dipersetujui. Sejarah lisan adalah teknik yang bagus bagi mendapatkan informasi sejarah yang tidak lengkap.

Oleh itu, sejarah lisan merupakan metod yang penting dan perlu diangkat sebagai salah satu cara bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat mengenai sesuatu informasi. Walaupun ianya tidak popular seperti metod yang sering digunakan iaitu melalui kertas penyelidikan atau eksperimen terhadap sesuatu perkara, ia juga memberi hasil dan fakta yang tepat dan boleh dipercayai.

**TRANSKRIP
TEMUBUAL
BERSAMA
PENGKISAH**

5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PENGKISAH

NAN: *Kay* [Baiklah] Assalamualaikum Waramatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang diri Encik Aisyamuddin bin Abdul Latip dan Sejarah Kampung Sepinang dan Kampung Gelang Chinchin. Bersama- sama kami ialah Encik Aisyamuddin bin Abdul Latip yang merupakan pengkisah bagi projek kami hari ini iaitu Projek Sejarah Lisan tentang Kampung Sepinang dan Kampung Gelang Chinchin pada hari ini. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 27 Jun 2023 bersamaan dengan hari Selasa pada pukul 12:50 minit tengah hari bertempat di Universiti Teknologi Malaysia, UTM Skudai, Johor yang merupakan tempat pengajian Encik Aisyamuddin. Saya, Nurul Ain Natasha merupakan penemuramah Encik yang pertama. Sebelum saya memulakan sesi temuramah, bolehkah Encik menceritakan latar belakang diri Encik secara ringkas?

AAL: *Kay* [Baiklah] aaa..., Waalaikumsalam. Terima kasih kerana sudi bertandang ke UTM. Secara ringkas aaa..., nama saya Aisyamuddin bin Abdul Latip nama penuh nama keluarga aaa... panggil Muddin dan di Kampung Alai waktu saya sekolah rendah kawan-kawan saya panggil Muddin dan di semasa sambung belajar dah mula panggil Aisyam. Aaa...latar belakang saya, saya dilahirkan di Kampung Alai, Gemereh, Segamat, Johor. Kemudian, saya bersekolah di Sekolah Kebangsaan Rendah Gemereh di Segamat Johor jugak dari Darjah 1 sampai Darjah 6. Eh sebelum itu, saya tadika,tadika di Tadika Kemas di Gemereh jugak. Aaa...kemudian sekolah menengah, saya berpindah ke Bandar Putra, IOI di Segamat jugak, Segamat, Johor dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 6.

NAN: *Kay* [Baiklah] untuk segmen yang pertama ialah tentang asal usul pembukaan. Aaa... boleh Encik ceritakan asal usul pembukaan bagi kedua-dua kampung ini iaitu Kampung Sepinang dan Kampung Gelang Chinchin?

AAL: Kay [Baiklah], pembukaan Kampung Sepinang aaa... sudah hampir 300 tahun. Ketika itu, Kampung Sepinang memang hutan belantara la dan diberikan nama Kampung Sepinang sendiri pun berdasarkan aaa... terlalu banyaknya pokok pinang di dalam kawasan aaa... Kampung Sepinang ni. Jadi Kampung Sepinang ni, awal dibuka oleh Raja Temenggong Muar. Ketika itu, mereka melalui Sungai Segamat aaa...kemudian aaa... melalui Sungai Muar. Sungai Muar ni boleh masuklah ke kawasan Kampung Sepinang melalui kawasan di Buloh Kasap di kawasan paya dulu dipanggil Paya Danau Berombak. Jadi Kampung Sepinang dibuka di kawasan situ. Tapi aaa...sebelum itu, Kampung Sepinang dibuka aaa...paling lama adalah Kampung Paloi Rambai sekarang dipanggil Kampung Jabi. Aaa...Kampung Jabi tu yang paling awal yang berdasarkan fakta....berdasarkan fakta. Aaa... jadi Kampung Sepinang aaa... dibuka tiga ratus [300] tahun yang lalu berdasarkan pokok pinang dan Kampung Gelang Chinchin berdasarkan mitos yang dikatakan Puteri Santan Bertapis ni yang membukak aaa... Kampung Gelang Chinchin dan dia dapat nama daripada Kampung Gelang Chinchin. Dan cerita itu hanyalah mitos lah, takde fakta seperti Kampung Sepinang. Jadi untuk dapatkan secara terperinci mengenai Kampung Gelang Chinchin susah, disebabkan itu berkurangan dia tak sehebat macam Kampung Sepinang aaa... Kampung Sepinang itu dibukak oleh Temenggong Muar.

NAN: **Oh, jadinya untuk Kampung Gelang Chinchin ni memang takde fakta lah untuk dibuktikan?**

AAL: Betul, memang kita tak jumpa lagi.

NANH: **Aaa...boleh saya tahu siapakah pengasas bagi kedua-dua kampung ini?**

AAL: *Okay* [Baiklah], yang teroka adalah Temenggong Muar iaitu Temenggong Temenggong Burok...Engku Burok. Dia adalah Temenggong Muar...ketika itu Temenggong masih diperintah oleh atas lagi iaitu Sultan, Sultan Ali yang ada jajahan di Kesang di Muar dan di Melaka. Jadi pentadbiran dia tu diserahkan kepada Temenggong Muar untuk kawal daerah Segamat lah termasuk Kampung Gelang Chinchin dan Kampung Sepinang. Dan Temenggong Muar melantik penghulu-penghulu di bawahnya seperti Penghulu Dagang, Penghulu Mungkal iaitu berdasarkan daripada suku-suku yang ada kawasan kampung-kampung. Jadi penghulu ni lebih kenal lah dengan orang penduduk tempatan tu. Jadi, dia mudah urusan dari segi pentadbiran tu.

NAN: **Kay [Baiklah], bilakah tempat ini mulai diteroka dan mula dibangunkan?**

AAL: Sekitar...dibuka sekitar seribu lapan ratus [1800] tahun...masa tu adalah untuk dapatkan komersial hasil pertanian tu lah.

NAN: **Itu untuk kedua-dua kampung?**

AAL: Betul.

NAN: **Kampung Sepinang?**

AAL: Betul, untuk kedua-dua kampung. Sebab Kampung Sepinang dengan Kampung Gelang Chinchin dia berjiran sebelah, dia sekali.

NAN: **Aaa...bilakah tarikh rasmi bagi penubuhan Kampung Sepinang dan Kampung Gelang Chinchin?**

AAL: Tarikh rasmi memang kita taktahu secara terperinci. Tarikh tu kita cuma boleh anggarkan berdasarkan pemerintahan Temenggong Burok tu Engku Burok sekitar seribu lapan ratus [1800] tahun dan berdasarkan jumpaan batu-batu nisan lama seperti *granite* [batu granit] di kawasan kubur-kubur lama aaa...berdasarkan batu tu kita boleh tahulah kampung ni buka seribu lapan ratus [1800] ke seribu tujuh ratus [1700] ke itu lah. Kita tak jumpa lagi batu nisan Aceh. Kalau kita jumpa batu nisan Aceh dekat Kampung Sepinang baru kita tahu yang kampung tu buka hampir Zaman Melaka lah tapi kita tak jumpa penemuan tu lagi.

NAN: **Kay [Baiklah], seterusnya, siapakah yang beri nama bagi kedua-dua kampung ni?**

AAL: Yang bagi nama bagi kedua-dua kampung ni...masa pembukaan kampung tu masa teroka tu Engku Burok tu lah *so* [jadi] pokok-pokok pinang ni dipanggil lah Kampung Sepinang, ada yang panggil Kampung Sepinang Sebatang, ada versi yang kedua yang menyatakan diberi nama sempena sekolah pokok pinang...sekolah pokok batang pinang iaitu dipanggil kampung err... sekolah pinang. Lepastu, ada yang kata sekolah pinang...sekolah pinang tu dipanggil Kampung Sepinang. Tu versi yang kedua lah tapi tu adalah versi yang baru, versi yang kedua tu adalah versi yang kemudian. Versi yang awal tu adalah semasa pembukaan tu la, jumpa pokok-pokok pinang.

NAN: **Kalau untuk Kampung Gelang Chinchin tu memang takde fakta la kan?**

AAL: Ha takde fakta. Ia berdasarkan secara lisan penglipurlara seperti MakNgah Saodah. Ha...cerita Puteri Santan Bertapis ni, cerita puteri pada secara lisan lah, MakNgah Saodah yang tinggal di Kampung Lubok Batu lah. Dia bidan dan dia banyak kumpul sejarah-sejarah...sejarah apa...hikayat-hikayat lisan-lisan orang Segamat ni la. Cerita-cerita tu dah bertambah dah ditokok tambah, pastu dikatakan yang Puteri Santan Bertapis ni cincin dia tu hilang lepastu dia...pastu katanya dia datang ke Bukit Gelang Chinchin lah...dikatakan hilang, dan dia mencari sampaikan dia nak pinang puteranya takdenya kan dia menangis tu yang dia bagi nama Kampung Gelang Chinchin.

NAN: **Okay [Baiklah], seterusnya boleh saya tahu siapakah tokoh yang dijadikan rujukan sehingga kini untuk tahu [bunyi kerusi] tentang penempatan tersebut?**

AAL: Untuk rujukan, berdasarkan rekod-rekod, Arkib Johor dan cerita lisan pun daripada buku arwah Ungku Zaman, tajuk buku dia "Sejarah dan Mitos Bahagian 1" yang tu yang dikumpulkan oleh arwah Ungku Zaman. Dia dulu cikgu, lepastu dia sekolah rendah, Sekolah Tinggi Segamat, dia yang kumpulkan. Jadi, berdasarkan tu je yang kita rekod ada, kemudian tu dah takde direkodkan lagi secara rekod la secara bertulis atau terbitan mana buku tidak dibuat sampai lah surat khabar kita jumpa. Surat khabar kita jumpa, surat khabar tu pun dia dapat sumber tu dari buku arwah Ungku Zaman juga...masih disitu juga. Dia takde mana-mana info yang baru ditemubual,takde lagi.

NAN: **Jadi, encik tahu tak latarbelakang tentang tokoh tersebut?**

AAL: Yang tu kita takde data maklumat.

NAN: **Okay [Baiklah].**

AAL: Siapa perintis awal tu, kita takde.

NAN: **Pada awal pembukaan, berapakah orang...berapakah orang atau penduduk yang terlibat?**

AAL: Yang tu pun, kita tak...takde maklumat lah tapi kalau berdasarkan yang peta-peta lama yang kita jumpa, peta daripada Arkib tahun sembilan belas tiga puluh lapan [1938] tu kan, bila kita susun berdasarkan map [peta] tu kita jumpa dalam berapa belas rumah je ada dalam lima belas [15] rumah je. Kita boleh anggarkan tahun sembilan belas tiga puluh lapan [1938] tu ada lima belas [15] rumah, maksudnya yang lain- lain tu dah takde dah, maksudnya mungkin lagi sikit la.

NAN: **Semasa pembukaan awal kampung, adakah terdapat suku-suku kaum?**

AAL: Ada. Yang masa Temenggong Muar buka bersama Engku Burok tu bersama suku-suku lain seperti suku Mungkal, suku Dagang, suku Tiga Puluh Tiga [33]...suku Biduanda. Ni antara orang majoriti yang ada di Segamat, bukan ada di Sepinang sahaja, ada di Jabi, di Gemereh pun ada. Mereka ini adalah orang-orang, rakyat biasa...suku-suku biasa.

NAN: Kesemua suku ini berasal daripada mana?

AAL: Daripada Negeri Sembilan.

NAN: Bagaimanakah suasana tempat itu semasa awal pembukaan?

AAL: Yang tu kita memang takde maklumat la. Berdasarkan lisan pun, tak jumpa...takde maklumatnya.

NAN: Ada tak kejadian yang tak dapat dilupakan atau luar biasa semasa awal pembukaan?

AAL: Kalau kejadian luar biasa semasa awal pembukaan, yang tu pun kita takde maklumat la. Takde maklumat.

NAN: Apakah cara corak pentadbiran yang digunakan dalam mentadbir kampung, kedua-dua kampung tersebut?

AAL: Corak awal masa pembukaan tu, masa pemerintahan Sultan Ali dan kemudian melantik Temenggong Muar, Temenggong Muar lantik penghulu dan juga lantik Tok-Tok Batin. Ha itu antara corak dia la. Lepastu, Sultan Ali serahkan Segamat

ni, spesifik Segamat diserahkan kepada Maharaja Johor, Sultan Abu Bakar dan Sultan Abu Bakar buat lagi corak baharu lebih kepada secara British dan untuk dapatkan hati Temenggong Muar ni, dia lantiklah kerabat-kerabat dia sebagai Penghulu. So [jadi], jadi kita boleh nampak dekat Segamat hanya gelaran Tok Raja ada di Kampung Sepinang. Gelaran Tok Raja ni macam Tok Penghulu jugaklah, cuma lagi besar lah gelaran dia dan tauliah dia juga mesti kena ada, ada surat tauliah daripada Sultan...Sultan Maharaja Abu Bakar ni lah. Jadi, Batin masih ada, ketika itu, Batin masih ada tapi sekarang Batin dah takde dah. Ha sekarang Batin dah takde dah, dan lantikan semua penghulu la.

NAN: Untuk Kampung Gelang Chinchin pula?

AAL: Kampung Gelang Chinchin, duduk di bawah masa tu...Kampung Gelang Chinchin duduk dibawah Kampung Sepinang. Sebab tu saya kata, Kampung Sepinang ni dulu besar *so* [jadi] bawah dia ada kampung-kampung kecil. Sekarang je kita nampak Kampung Sepinang dengan Kampung Gelang Chinchin just [hanya] terpisah tapi dulu dia sekali duduk di bawah Kampung Sepinang, cuma Kampung Sepinang ni tak jadi mukim lah...dia dah duduk di bawah Mukim Sermin tapi sebenarnya Kampung Sepinang lagi besar...sekarang dah duduk di bawah Mukim Sermin. Patutnya diberikan nama Mukim Sepinang kan tapi Sermin yang dapat nama...Kampung Sermin yang dapat nama...ha macam tulah.

NAN: Pada masa kini, siapakah yang mentadbir Kampung Sepinang dan Kampung Gelang Chinchin?

AAL: Buat masa ni, takde penghulu lah...penghulu yang dilantik oleh Sultan, Sultan akan pergi ke Pejabat Daerah. Tapi sekarang, dia daftar sendiri pun boleh, kita nak

tawar diri untuk jadi Penghulu pun boleh berdasarkan kualifikasi yang ada lah. Sekarang dah takde lagi apa...ikut macam dulu-dulu lah, daripada kerabat-kerabat, keluarga-keluarga dah takde dah tapi untuk senarai nama saya taktahu lah.

NAN: Jadi encik takde maklumat tentang penghulu sekarang ke?

AAL: Takde.

NAN: Itu sahaja. Saya serahkan kepada rakan saya, Fatin Nadya yang merupakan penemu ramah encik yang kedua.

FNH : Assalamualaikum Warahmatullahiwabarakatu, saya merupakan Fatin Nadya binti Hanim, penemuramah Encik Aisyamuddin yang kedua, dengan segmen yang kedua ini kita mulakan dengan soalan tentang ekonomi masyarakat di awal pembukaan. Apa cara masyarakat setempat peroleh kewangan? Adakah melalui cara memburu atau memancing atau mereka sudah mula menoreh getah sejak dahulu kala?

(bunyi motor)

AAL : *Okay* (baiklah) masa awal pembukaann seribu lapan ratus (1800) tu, ekonomi ni memang adalah untuk sara diri, maksud sara diri tu ternak sendiri, dia pergi mancing tangkap ikan pun untuk keluarga, tanam pokok pun memang untuk sara diri lah untuk hidup. Masa tu takde lagi .. jual beli tu takde lagi tapi berdasarkan buku yang Arwah Cikgu Muhammad, ada mengatakan yang ada orang-orang area Kampung kawasan Sepinang, Kampung Jabi dia jual buluh dengan rotan. Dia jual kepada pedagang pedagang Cina Ke.. Ke.. ha Bukit Kepong. Masa tu Bukit

Kepong tu jadi tempat transit segala barang daripada Segamat ni dihantar ke situ. So (jadi) orang Muar akan amik kat kawasan Bukit Kepong tu, so Bukit Kepong tu jadi tempat dagangan ah.

FNH : Jadi tempat diorang kewangan juga?

AAL : Betul. Tapi bape banyak tu takde data, list rekod tu takde

FNH : Kebanyakkan nya memang memancing untuk keluarga sahaja?

AAL : Ha ye untuk keluarga sahaja

FNH : Tak banyak yang terlibat dengan kewangan?

AAL : Contohnya kalau macam abang ada tanaman kebun durian, tumbuh, dia bagi keluarga gitu jelah.. kalau tanam pokok pisang dia bagi pulak pisang.. ha macam itu je ekonomi dia

FNH : Ada tak cara yang digunakan oleh masyarakat setempat untuk mendidik anak-anak mereka bekerja?

AAL : Untuk bekerja tu.. untuk bekerja tu memang diajarnya untuk macam mana cara menukang macam mana cara menanam pokok ha cam itu jelah. Tapi dari segi pelajaran, sekolah macam semua tu, yang saya dapat rekod, tahun 1926 masa tu saya buat kajian rumah lama Segamat, masa tu saya jumpa Arwah Encik Ismail, Encik Ismail ni anak penghulu Semin.. eh cucu, cucu penghulu Semin, mengatakan yang sekolah dulu awal, orang Sepinang, orang Gelang Chinchin dulu sekolah di bawah rumah penghulu tu. Rumah penghulu tu tinggi, dia duduk belajar di bawah sekolah tu. Semua anak-anak sekolah, anak melayu diajar kat situlah ajar bahasa Jawi, ajar bab- bab agama, bab menulis di bawah sekolah.. bukan bawah sekolah, bawah rumah. Masa tu sekolah pun takde lagi. Jadi tu antara yang terawal lah. Sebab itu pun inisiatif penghulu Semin.

FNH : Kalau macam tu siapa pendidik nya?

AAL : Ada satu cikgu je, itu pun duduk orang luar, yang dibayar upah tapi tak di.. Encik Ismail bagitahu tak di setkan harga berapa maksudnya kalau keluarga tu ada mampu bayar, bayar tu je. Sebab masa tu sultan johor dia kalau boleh nak semua anak anak johor ni ada pendidikan, masatu dia bagitahu kat penghulu, penghulu kena... kena laksanakanlah ada yang dia keluarkan akta masatu.. mana

mana anak-anak yang tak bersekolah boleh dikenakan denda kepada mak bapak, ha sampai tahap macam tu sekali.

FNH : Jadi kalau macam dalam satu kelas tu muat berapa orang?

AAL : 25 orang

FNH : 25 orang?

AAL : (angguk) betul

FNH : Dia tak kesah peringkat umur atau macam mana?

AAL : Ha'ah dia tak kesah peringkat umur.

FNH : Siapa yang nak datang dia boleh datang?

AAL : Ha'ah betul

FNH : Macam mana dengan keadaan bagi aktiviti ekonomi semasa awal pembukaan?

AAL : Ekonomi awal.. memang takde ekonomi, memang tulah.. memang takde ha sara diri jelah.. tak perlukan ekonomi (gelak) dia perlukan apa perkongsian pendapatan apa yang dia ada pastu dia kongsi sebab masa pembukaan tu pun keluarga-keluarga gak, waris- waris kerabat. Jadi untuk nak jual beli tu tak .. tak.. tak kut, tak sesuai sampailah ada getah, ada sawit apa semua kan british bawa masuk, barulah ada penduduk kampung yang tanam getah untuk letakkan apa duit untuk beli- beli (gelak) beli kayu daripada Cina, daripada British ke ..

FNH : Kayu-kayu tu pula untuk buat rumah ke?

AAL : Ha betul dia terpaksa lah beli sistem bayaran duit ni terpaksa kita ikut

FNH : Sebab perubahan ?

AAL : Ha'ah betul

FNH : Dari segi sosial atau gaya hidup semasa awal pembukaan .. apa keistimewaan atau tradisi yang dipraktikkan di kampung ini?

AAL : Aaaa kalau tradisi.. praktik.. kompang ha masih ada lagi contohnya kompang.. ada lagi latihan kompang

FNH : Ada kelab tersendiri atau..?

AAL : Ha ada kelab tersendiri ah kelab tersendiri kat kampung tu tapi macam tradisional macam buat kraf tu dah takde ah (gelak)

FNH : Ouh.. dah takde [tiada] buat tukangannya gitu lah?

AAL : Ha dah takde

FNH : Kalau macam dulu ada?

AAL : Ha betul, buat rumah.

FNH : Soalan seterusnya, ada tak cara pemakaian masyarakat awal di kampung ini?

AAL : *Okay* (baiklah) kalau untuk masyarakat kampung.. pakaian.. kita takde [tiada] rekod tapi kalau kita amik rekod Ungku Buruk yang bukak Kampung Gelang Chinchin dengan Kampung Sepinang ni, kita dapat dapat tau.. cara pakaian nya dari Teluk Belanga.. Teluk Belanga ni kita dapat.. aa baru-baru ni kita dapat.. kita dapat jumpa waris dia, kita dapat tengok lah baju Temenggong Muar punya baju, dia merah, cara sulaman yang.. tak pasti sulaman macam mana, tapi dalam dia ada dua lapik kain ha luar lain (gelak) dalam lain

FNH : Boleh pakai luar dan dalam ke macam mana?

AAL : Takde. Dia .. dia berbeza

FNH : Ouh berbeza

AAL : Ha dia tak sekali tapi dia jahit kat tepi jah yang ni dia terpisah (merujuk bahagian pergelangan lengan baju) tapi diani ni satu kain en? Dia dua kain

FNH : Ouh faham-faham

AAL : Ha centu.. ha yang tu kita dapat jumpa-lah, baru-baru ni dari waris tapi tak jumpa samping, jumpa seluar dengan baju Teluk Belanga lah

FNH : Ada gambar ke?

AAL : Ha? Ada gambar tapi kena mintak kebenaran kat [kepada] warisnya tu ha sebab dia ada isu pasal Temenggong sekarang dengan Sultan sekarang jadi dia taknak perbesarkan ini ah isu tu..

FNH : *Okay* (baiklah) ada tak amalan yang digunakan kat kedua kampung ni? Mungkin | dari segi pemakanan ke atau cara mereka berkahwin?

AAL : Kalau makanan awal memang orang Kampung Sepinang ni memang makan nasi sebab dia unsurkan padi Kampung Sepinang ni dulu ada padi ha tapi tu makan sendiri bukan untuk di komersial di jual.. tak. Memang ada lot padi dia sendiri penanaman dia jadi bila padi-padi ni dah tak nampak hasil dia en sebab banjir apa semua isu jadi dia kena tanam pokok getah, pokok sawit, pokok pisang jadi kebun biasa jadi sektor pertanian padi ni dah takde cara cara buat padi apa semua tu cara tuai padi tu semua dah sistem tu semua orang.. generasi dah tak tahu dah sekarang kat kawasan Kampung Sepinang dari segi pemakanan kuih takde.. takde ada yang kata bugis. Kampung orang Sepinang ni banyak orang bugis. Tapi takde rekod yang menyatakan orang Bugis buat burasak sebab burasak tu kan makanan orang bugis en tapi takde rekod dia takde rekod tu.. dari segi pemakanan tu jelah awal lah padi jelah sekarang dia dah moden dia beli je [sahaja]

FNH : Jadi tapak yang tanam padi dulu dah takde?

AAL : Jadi kawasan paya dia jadi semak

FNH : Dari segi mereka berkahwin pula?

AAL : Dari segi berkahwin ada yang ikut adat papatih ada yang ikut adat temenggong. Kalau macam adat papatih ni kena mintak tu dari Tok Batin. Contoh kalau kita nak kahwin dengan orang tu kena bagitahu dulu dekat Tok Batin sebab Tok Batin ni yang akan akan apa kabulkan. Dulu kita takde kadi *so* (jadi) dia pakai Tok Batin. Tok Batin ni akan *setkan* (tetapkan) berapa jumlah semua ikut Tok Batin sendiri.

FNH : Bukan dari persetujuan keluarga la? Memang dari Tok Batin?

AAL : Ha, betul Tok Batin pun akan bincang dengan keluarga perempuan yang lelaki tu kena ikut jelah apa yang dibincangkan Tok Batin dengan keluarga dia.

FNH : Tapi kalau dia ada pendapat sendiri?

AAL : Tak boleh (gelak)

FNH : Kena ikut jugak?

AAL : Ha kena ikut jugak Tok Batin. Tapi sisi ni masih diamalkan di Melaka.

FNH : Ouh, Segamat pun?

AAL : Ha Segamat takde buat lagi dah

FNH : Kepercayaan pula, macam mana kepercayaan mereka?

AAL : Sebab benda tu mengeratkan silaturahim keluarga diorang sebab dia ni .. orang kampung ni nak jaga pertalian darah tu. Dia macam meminang gak lah. Kalau boleh nak dengan kerabat dia jugak. Taknak orang luar daripada tu masuk dalam salasilah dia. Contoh salasilah dia ada lah sepupu-sepupu dia tetiba kahwin lain dah keluarga lain, dah jauh. Ha kita taknak sebab dia nak jaga harta dia ha.

FNH : So (Jadi) dia nak waris dia sahaja lah?

AAL : Iya. Dia cari keluarga dia, kalau jatuh pun, kalau cerai pun jatuh lagi ke sepupu dia lagi ha bukan orang luar

FNH : Jadi itulah kelebihan dia

AAL : Iya ada kelebihan dekat situ adat pematih ni sebab dia takkan ada isu apa aa faraid ke isu tu dia senang, mudah. Sebab dia keluarga-keluarga lagi bila dia ada isu luar dia tak gaduh dengan orang luar. Jadi gaduh sesama keluarga masih lagi sepupu mak dia (gelak) faham tak dia dia dia ada bertolak ansur dekat situ dia jadi kat luar kita dah tak rasa menantu dia punya adik dia tu rapat ngan kita tak rasa benda tu

FNH : Sebab dia tak kenal?

AAL : Iya betul aku dari kecil tak kenal

FNH : Kalau macam yang adat temenggong tadi?

AAL : Adat temenggong masih macam sekarang ni adat temenggong lebih kepada islam lah ha adat pepatih ni memang ikut betul-betul adat minang punya cara

FNH : Kalau macam dari segi keagamaan dia, kalau macam yang Encik Aisy cerita ada surau lama, boleh ceritakan sedikit tentang surau lama?

AAL : *Okay* (baiklah) macam surau lama tu aa awal pembukaan dia tak terlalu awal sebab surau lama Kampung Sepinang tu awal dia adalah di Kampung Tadok Kampung Tadok tu lagi awal, tapi sekarang dah takde dah. Jadi mereka dah pindah ke Kampung Sepinang buat surau kat situ lah pastu jadi masjid jadi kalau ada untuk islam masa tu masih diamalkan, tapi adat tu masih lagi kuat (gelak). Sebagai contoh mereka masih mengamalkan untuk mandi safa tu. Mandi Safa

tu untuk buang bala dia. Dia akan pergi ke sungai, orang lelaki lah akan ke sungai, Tok Batin akan baca tangkal apa tu dalam kertas tu dia akan tulis apa benda yang perlu dibuang buang.. mungkin anak tak pandai ke jadi dia buat tangkal sekali dia letak dalam air, lepaskan dalam air pastu mandi sekali lah air dalam sungai tu mengharapkan yang buruk-buruk tu dah takde ha tu adat tu. Adat hindu. Tulah adat hindu. Tu pun masih diamalkan zaman tu. Sampailah tahun 1940, mufti johor baru, keluarkan surat menyatakan yang ni saya jumpa dari arkib johor, suratnya ni hantar kepada kadi Segamat menyatakan yang orang Segamat ni masih mengamalkan adat-adat yang terpesong daripada agama jadi orang kadi Segamat ni berdakwah la, berdakwah, dakwah dakwah sekarang dah takde dah mandi safa ni ha jadi sungai pun tak bersih. Kalau dulu sungai bersih sebabkan mandi safa (gelak) faham tak?

FNH : Faham kalau macam dulu tu dia mandi ramai-ramai atau sorang-sorang?

AAL : Ha ramai. Kalau untuk keluarga anak kecik, isteri atau golongan perempuan ni dia mandi dekat rumah ah. Kat kolah. Bantu kalau pergi kolah kawasan rumah-rumah limas lama ni yang bawah tahun 1930 kalau atas 1940 dah takde kolah lah. Bawah tahun sembilan belas tiga puluh (1930) ni kolah tu dia buat untuk mandi. Tangkal tu dia lepas dalam kolah tu untuk golongan perempuan. Budak laki kalau pergi ke rumah.. rumah limas ni dia ada tiga kolah. Satu depan anjung pastu yang dekat pelantar tu antara rumah ibu dengan rumah dapur pastu kat dapur ada satu lagi belakang.

FNH : Tu untuk perempuan kalau untuk lelaki pergi sungai ?

AAL : Sungai (angguk)

FNH : Kalau yang untuk dekat perigi tu,

AAL : Ha, perigi

FNH : Ha tu, Air nya pun dari sungai?

AAL : Perigi daripada bawah tanah

FNH : Ouh bawah tanah

AAL : Ha'ah *so* (jadi) dia akan amik dari bawah tanah ni, masuk dalam kolah mandi kat kolah.

FNH : Kalau dekat kampung.. kampung mana yang ada Rumah Melayu Bumbung Panjang ni ya?

AAL : Rumah bumbung panjang kat Kampung Sepinang jalan tanjung.. Rumah Bumbung Panjang tu rumah lama

FNH : Sejak tahun bila?

AAL : Mungkin ada yang lagi lama tapi kita takde rekod. Jadi rekod yang kita ada sekarang tahun seribu sembilan ratus (1900). Ha berdasarkan yang kita tahu dah .. tiga .. tiga generasi. Ha dah menjadi empat. Empat generasi dalam hampir seribu sembilan ratus (1900) rumah tu

FNH : Sekarang ada yang jaga atau tak rumah tu?

AAL : Ha dah takde jaga dah, rumah bumbung panjang ni kebanyakannya dah tak terjaga

FNH : Dah terbengkalai lah?

AAL : Betul

FNH : Apa keistimewaan atau maafkan saya, bagaimana nama rumah ini dihasilkan?

AAL : Nama bum.. bumbung panjang ni kita takde data (gelak) sape yang bagi nama bumbung panjang ni. Tapi kita boleh tanya tukang. ha bila kita *interview*.. (temu ramah) temu ramah tukang nak buat rumah pun jadi kita boleh lah .. rumah bumbung panjang.. maksudnya dah tahu ah.. macam mana tiang, macam mana bumbung struktur dia tu aa kita boleh kategori kat situ ah kat bumbung ha tapi takde data (gelak) mengatakan sape yang bagi nama bumbung panjang tu takde tapi kita boleh tanya tukang-tukang dah lama en rekod-rekod lama tu bagitahu aa rumah bumbung panjang ah kalau kita rujuk kepada British punya orientalis punya kajian pun dia akan bagitahu dalam journal dia long roof long roof ha long room house .. Malay Long Room House .. semua .. orang putih pun iktirafkan rumah bumbung panjang gak [jugak] sebab dia *interview* (temu ramah) orang yang tahu tukang sikit-sikit. Sikit-sikit sampai sekarang orang panggil rumah bumbung panjang ah.. bumbung panjang. Dia jatuh situ terus.. apa.. bentuk

FNH : Bawah terus?

AAL : Ha bawah terus

FNH : *So* (Jadi) maksudnya kalau hujan terus jatuh?

AAL : Ha betul, terus jatuh

FNH : Ada spesifik yang ditekankan tak dari segi seni bina dia?

AAL : Yang spesifiknya kita boleh tahu dari segi tanggam dengan dia punya motif simbol dia en yang dia buat motif dekat tebar layar dia ke kat.. kat ukiran dia ke yang tu kita dapat tahu daripada kebanyakan daripada orang Negeri Sembilan. Ha Negeri Sembilan tapi suku.. suku apa tu kita tak tahu ha kita boleh tengok tanggam dia bendul dia.. tanggam lekap en.. kita boleh.. kalau kita pergi Negeri Sembilan kita akan jumpa banyak tanggam macam tu tapi kalau kita gi ke Kelantan kita tak jumpa .. kita pergi ke Perak kita tak jumpa..

FNH : Maksudnya dari satu rumah tu boleh jadi dari ..

AAL : Betul. Sebab ada pertukangan tu.. pertukangan tu dia ajar anak dia en

(Azan Zohor berkumandang)

FNH : Contoh-contoh tanggam yang ada?

AAL : Contoh tanggam yang ada macam kita boleh lihat rumah bumbung panjang dekat Sepinang tu tanggam lekap kat bendul jika kita pergi Negeri Sembilan, banyak kita akan jumpa tanggam lekap dekat bendul-bendul rumah Negeri Sembilan. Tapi macam tanggam bumbung dia tu .. tunjuk langit dia tu dia ada dua rasuk, dekat bawah tunjuk langit ni ha tu pun karakter atau pun ciri-ciri rumah orang Negeri Sembilan.

FNH : Rasuk tu apa?

AAL : Rasuk tu alang.. *beam*. (rasuk)

FNH : Beam

AAL : Hm, Benda ni pun sama gak boleh tengok kat belah-belah Negeri Sembilan takkan kita tak akan jumpa dua rasuk kat negeri-negeri lain.

FNH : Ouh semua dekat ..

AAL : Ha dekat Negeri Sembilan tu cara teknik turun-temurun jadi yang diajar kepada anak-anak semua en ikut mak bapak cara potong tanggam apa semua, itu yang dipraktikkanlah tapi takde kertas, ha semua dalam otak ah.

FNH : Dari segi teknikal sahaja?

AAL : Teknikalnya semua dalam otak. Takde plan, takde.. takde lukisan takde.

FNH : Kalau bahan dia.. bahan kayu dia guna bahan apa?

AAL : Tiang keseluruhannya cengal lah. Tapi macam dinding tingkap apa semua kebanyakan daripada meranti.. ha pokok-pokok meranti. Sebab sengal ni susah nak dapat kat segamat. Cengal ni banyak dekat belah labis, belah bekok belah Jementah banyak.

FNH : Kayu jenis cengal ni memang.

AAL : Dia punya ciri-ciri kehidupan habitat dia aa..

FNH : Dia tahan?

AAL : Bukan, dia punya tropik, yang betul-betul tropika punya hutan ha macam kat Jementah tu ada kawasan Gunung Ledang, kat Bekok tu ada Gunung Tenang, ha dia bahagian belah-belah bahagian hulu ha..

FNH : Apa maksud setiap simbol yang ada dekat reka bentuk?

AAL : Contoh yang boleh nampak simbol bulan bintang. Tu ciri-ciri awal bulan bintang ni adalah simbolik kepada rumah penghulu. Tapi dari sikit sikit sikit orang biasa pun buat jugak (gelak) *so* (jadi) dia ciri-ciri dia dah tak nampak sangat ah. Bukan dah tak nampak, dia ciri-ciri untuk kenapa nak kena buat tu tak nampak dah. Ha macam dulu kenapa nak buat sebab kita tahu tu rumah penghulu, dia ada bulan bintang. Sampai ke batu nisan pun, penghulu ke D.O (*District Officer*) ke pegawai daerah dia akan ada bentuk bintang ngan bulan tu. Tapi sekarang siapa nak buat pun buat je (gelak) Dia dah takde termaktub takde.

FNH : Kalau macam untuk penghulu sahaja dah takde?

AAL : Ha takde ha

FNH : Jadinya kalau dulu bulan bintang tu khas untuk penghulu?

AAL : Ha betul

FNH : Rumah yang ada bulan bintang tu penghulu?

AAL : Betul, dia akan buat dekat tebar layar tu. Tebar layar tu kat bumbung tepi tu macam ada hurung angin masuk ha yang tu.

FNH : Habistu kalau ada pertukaran penghulu?

AAL : Penghulu tu rumah dia buat

FNH : Ouh

AAL : Rumah dia buat ah nanti *so* (jadi) kalau dia ada bekas, kita tahu ada penghuni ni bekas penghulu ha tapi dulu, sistem dulu dia keturunan.

FNH : Ouh

AAL : Dia kadang-kadang rumah nye tu dari rumah bapa nya dulu *so* (jadi) masih lagi rumah penghulu. Ha melainkan rumah baru, tapi dulu sistem macam tu lah, dia pewaris ha

FNH : Bilakah tahun Rumah Bumbung Panjang ni dihasilkan?

AAL : Rekod paling awal tak tahu bila sebab kebanyakan darinya lagi awal dari yang ada sekarang ni tapi dah roboh. Jadi yang ada ni kita dapat tarikh berdasarkan generasi. Jadi paling awal yang kita ada jumpa tahun seribu lapan (18).. seribu lapan ratus lapan puluh (1880) yang itu kat Kampung Awat kat belah-belah Batu Anam yang itu yang kita jumpa paling awal. Sebab dia kita tahu masa itu perang Jementah, dulu en tu sahaja bumbung yang kita dapat tahu paling awal. Bumbung panjang yang ada dekat Segamat. Sebelum tu, takde data.

FNH : Kalau macam dekat Kampung Sepinang, Kampung Gelang Chinchin ni takde?

AAL : Ha yang (gelak) yang ada sekarang itu sahajalah rekod yang kita ada. Tapi sebelum tu kita tak tahu. Mungkin dah roboh ha takde rekod tu.

FNH : Apa risiko rumah dia dirobohkan?

AAL : Satu risiko dia dah buat rumah baru, anak-anak dah buat rumah baru, rumah batu, lagi satu anak-anak dah berhijrah keluar hmm dia dah keluar apa semua jadi ditinggalkanlah. Dahtu saiz dah tak muat. Dulu rumah takde perabot. Sekarang rumah semua penuh dengan perabot. Jadi buat rumah baru boleh buat letak perabot. Rumah lama robohkan (sambil ketawa) buat rumah baru. Ha kalau yang tak dirobohkan kadang-kadang isu daripada keluarga, isu punya pusaka tak diselesaikan, jadi rumah tu yang dapat selamat. Ada *pros and cons*

[kebaikan dan keburukkan] dia. Isu keluarga ada tapi rumah selamat, ada yang isu dah selesai rumah roboh (sambil ketawa)

FNH : Faham

AAL : Penjagaan rumah pun penting juga, sebab kita dah takde ilmu apa pengurusan ah jaga kayu rumah, ilmu tu dah hilang aa sikit-sikit hilang pastu rakyat kita ni tak berapa minat dengan *maintenance* [penyelenggaraan] penyelenggaraan kita tu kurang isu tu kebanyakan roboh jelah tapi kita jangan lupa batu pun kalau lagi seratus (100) tahun akan ada kebocoran, ada *leaking* [pembocoran] pun taktahu buat macam mana *last-last* [akhirnya] roboh (sambil ketawa)

FNH : Habis kalau macam dari segi sebab cuaca.

AAL : Cuaca.. cuaca takde benda rumah kayu tu lah lagi tahan cuaca dari rumah batu. Dia tengok balik kalau rumah sekarang dia batu apa. Kalau batu bata yang tanah liat tu *okay* [tiada masalah] kalau *specimen* [mineral] pasir tu tanah ah. Ha kena tengok balik lah, tu dari segi bahan ah.

FNH : Pengalaman di Kampung Sepinang dengan Kampung Gelang Chinchin ni pernah terlibat dengan banjir ke?

AAL : Hmm.. tika awalnya macam yang dekat tengah tanjung tu, tu semua atas bukit. Tapi ada yang baru-baru ni dah atuk-atuk dulu masa tu buat kebun, pastu sekarang dia dah taknak buat kebun dia nak buat rumah, *last-last* [akhirnya] itu kawasan banjir (sambil ketawa). Jadi ada juga yang kena banjir, belah-belah bawah. Orang segamat panggil baruh ah. Baruh ni bawah belah menghala ke sungai. Kalau bawah bukit panggil baruh ah, ha.. dia panggil baruh

FNH : Soalan seterusnya berkaitan dengan lain-lain kisah atau maklumat menarik di lokaliti, menurut dari *page* [halaman] di internet, berkenaan dengan Atuk Bonda yang dikhabarkan berlaku di Kampung Sepinang. Apa sebenarnya yang terjadi dengan Atuk Bonda ni?

AAL : Ouh kisah Tok Bonda ni pun direkodkan oleh murid-murid yang disuruh oleh Arwah Buzaman untuk terbitkan buku sejarah dan Segamat mitos bahagian 1. Itu kalau dia tak buat pun kita tak tahu kisah Tok Bonda ni. Jadi masa itulah dibuat, disahkan dan direkodkan. Masatu Atuk Bonda hidup lagi. Dia masih lagi buat bidan. Jadi dikisahkan yang Atuk Bonda tu memang betul lah sebab dia hidup lagi, dia ada buku tu direkod pun zaman dia hidup lagi. Dia jumpa tu pun sebab secara kebetulan, yang dia mintak sebab ada aa keluarga yang nak bersalin.

FNH : Ouh..

AAL : Tapi dia tak pernah buat, dia ajaknya Atuk Bonda ni supaya tengok sekali bidan tu jadi ada bidan yang tengah bersalin kan sekali tu dia ajar Atuk Bonda buat macam mana nak bidankan anak ni en keluarga ni jadi dari situ dia belajar. Pastu sikit-sikit lama-lama orang-orang panggil dia daripada situ dia beroperasi perlahan dia belajar en pastu dia ada kelebihan kat situ tu yang dia buat ah tapi Atuk Bonda ni keluarga dia daripada Pahang, keluarga daripada Pahang berhijrah kahwin dengan maknya orang Segamat, bapaknya orang Pahang. Pastu dia berkahwin dengan orang Segamat .

FNH : Jadi beliau menetap di Segamat?

AAL : Betul.

FNH : Itu berlaku di Kampung Sepinang?

AAL : Kampung Sepinang

FNH : Kalau Kampung Gelang Chinchin takde boleh buat? Atau ada yang

AAL : Takde. Tapi Atuk Bonda amik juga bidankan keluarga di Sepinang. Eh di Gelang Chinchin. Ha sebab Kampung Sepinang tu besar, dia ibarat macam pekan en, jadi yang Kampung Gelang Chinchin ni dia kecik tapi orang masih lagi anggap yang Kampung Sepinang tu macam pekan takkan panggil kalau orang nak solat pun pergi ke Sepinang juga orang tak pergi ke Gelang Chinchin

FNH : *Okay* [baiklah] dengan kisah Puteri Santan Bertapis di Kampung Gelang Chinchin? Macam mana kisah tu boleh dihasilkan?

AAL : Kisah ini dihasilkan sama juga, dibukukan, sebab dalam cerita pun daripada buku Arwah Ungku Zaman, masa tu dia jumpa dengan Mak Ngah Saodah. Mak Ngah Saodah ni ibarat macam nenek sepupu Arwah Ungku Zaman. Jadi dia temu ramah, daripada situ lah kita baru tahu cerita kisah hikayat orang Segamat cerita Puteri Santan Bertapis. Tapi yang awal yang kita tahu Puteri Santan Bertapis dia hidup di Sungai Kapeh. Sungai Kapeh ni dia dekat Sungai Segamat tu aa dekat Jalan Hassan, dekat sekolah Batu Hampar antara bandar utama tu apa Kipmart tu ha kat situ lah. Tu Sungai Kapeh tu jadi dikatakan Sungai Kapeh tu awal lah cerita nya tu dikatakan Sungai Kapeh tu daripada tumpahnya santan nya tu tengah nak buat tu tumpah ke sungai jadi kotor en namanya jadi Kapeh (sambil ketawa) tapi cerita tu tak berapa tapi cerita tu dihasilkan daripada Arwah Mak Ngah Saodah tu lah. Pastu menetap pula di Jabu di Kampung Bumbun pun ada cerita nya kisah di Kampung Bumbun untuk meminang apa putera pastu dia pindahlah dia menetap lepas dia tak dapat pinang tu baru dia menetap di apa Gelang Chinchin tu..

Daripada situlah sikit-sikit cerita yang kita dapatlah kita kumpul kat mana cerita Mak Ngah Saodah kumpulkan tu en jadi cerita ni boleh jadi kawasan situ. Kalau kita pergi ke Gemereh tak dengar. Cerita sini sampai sini

FNH : Jadinya dengar cerita tu dari Mak Ngah Saodah?

AAL : Betul. Mak Ngah Saodah ni dia digelar penglipur lara

FNH : Beliau merupakan seorang?

AAL : Hm biasa je, dulu dia buat bidan pastu dah takde dah.. sebab tu dia, saya pernah jumpa anak dia, anak bongso dia masa tu dia menetap di Kampung Bumbun, dia kahwin dengan orang Kampung Bumbun, sekarang dia dah arwah dah anaknya. Masa kami jumpa tu umur dia lapan puluh enam [tahun] so [jadi] dia ingat lagi maknya setiap pagi subuh, dia akan mandi embun. Mandi embun, daun embun tu bilas ah.

FNH : Ouhh

AAL : Setiap pagi. Pastu makan sireh apa semua ek. Tu cara orang lama punya adat ah

FNH : Untuk kesihatan?

AAL : Hm untuk kesihatan (angguk) dia amalkan benda tu tapi pastu umur dia, dia dikatakan meninggal dikatakan umur dia seratus lima belas tahun ha dia meninggal tapi masih ingat lagi, masih fasih lagi cerita hikayat-hikayat tu kalau dia cerita, tersusun ayat dia

FNH : Ingatan dia memang bagus lah?

AAL : Ha betul dia meninggal pun sebab sakit ah manusia tetap sakit (sambil ketawa) aa tu kita dapat *interview* (temu ramah) masa tu saya dapat aa *interview* (temu ramah) sekali dengan RTM masa tu. *So* (jadi) kami bawak RTM jumpa anak dia tulah masa tu baru kita dapat cerita

FNH : Macam mana dia boleh pengaruh cerita kepada semua orang

AAL : Satu ha dulu takde facebook takde media sosial en

FNH : Ha tulah

AAL : Satu yang kita dapat tahu dari segi macam ada merewang kerja-kerja merewang dia akan dipanggil dia akan penglipur lara en dia akan bercerita lah macam kita sekarang pakai konsert en (sambil ketawa), penyanyi, karaoke en ni tak dia ada ada majlis kahwin tu akan selit dengan majlis zapin, sekarang ni zapin kita nampak depan pengantin en, dulu tak. Dulu zapin tu adalah macam, macam majlis sekarang kita nampak pengantin datang duduk kat kerusi tu sebelum nak ke nak ke jamuan makan tu en kita akan sembah zapin kat situ en.

FNH : Haah

AAL : *Okay* (jadi) zaman dulu, *okay* (jadi) ni kawasan Segamat ah ni en saya dengar cerita orang dulu, bila dah makan apa semua, ha baru ada, orang dah rileks apa semua ha baru ada .. ada ni

FNH : Maksudnya zapin ni menjadi tumpuan?

AAL : Iya! Ha betul sebab itu dia akan penglipur lara dengar cerita dia sambil makan apa semua

FNH : Ouh dia memang menjadi majlis?

AAL : Majlis, dia memang majlis ha'ah ha sekarang kan majlis kan VIP datang kan macam cakap pastu baru ada majlis en

FNH : Haaa

AAL : Ha, centu lah

FNH : Tapi ni penglipur lara la

AAL : Iya, ini penglipur lara.

FNH : Tapi kalau masa dia berlipur tu biasanya orang ada tanya soalan atau dia bercerita sahaja?

AAL : Takde dia takde.. bercerita je. Orang akan dengar je

FNH : Biasanya dalam perkahwinan lah dia akan bercerita?

AAL : Betul. Kebanyakan majlis perkahwinan.

FNH : Kalau ada dia bercerita tentang sejarah segamat?

AAL : Ada juga dia bercerita tentang sejarah segamat tapi dia lebih kepada hikayat. Hikayat ni kadang-kadang dia takde cerita sejarah Segamat dia cuma berdasarkan hikayat yang ada di kawasan sekitar tu je. Dia tak spesifik kepada Segamat juga

FNH : Ouh, Mak Ngah Saodah ni berasa dari?

AAL : Cane?

FNH : Dia berasal dari?

AAL : Aaa Mak Ngah Saodah? Mak Ngah Saodah ni memang asal Segamat. Orang Lubuk Batu. Keluarga dia memang dari Lubuk Batu.

FNH : Terdapat juga jolokan nama “Kampung Raja Buah”, apakah yang membuatkan nama itu menjadi bualan mulut di Kampung Gelang Chinchin?

AAL : Mula dapat “Raja Buah” tu disebabkan tanah tu sendiri. Tanah Kampung Gelang Chinchin ni. Tanah Kampung Gelang Chinchin ni daripada Buloh Kasap sampai Gelang Chinchin sampailah ke Pahang en diapanggil “Segamat Series”. Tanah dia tu merah melekit.

FNH : Ouh

AAL : Ha merah dia tu memang merah betul bila kita genggam dengan air panas tu, dia macam lumpur, tapi warna merah, jadi tanah ni memang sesuai untuk tanam durian. Jadi tu yang dipanggil raja buah, durian kan raja buah, jadi tu yang jadi Kampung Sepinang ni cepat kawasan buah durian, sebab tanah tu sendiri. Tapi masa awal dulu, orang kampung tanam untuk makan. Dia dah berkebun apa semua dah mula komersial lah. Ha masa tu orang *start (mula)* panggil raja buah. Dia tahun lapan puluh-an macam tu baru *start (mula)* baru mula dipanggil raja buah raja buah.

FNH : Ouh start dari situ lah

AAL : Ha betul, lagi satu masa jabatan pertanian buat banyak pertandingan dia lawan dengan pertandingan buah durian di Tangkak, di Muar, di Mersing jadi dikumpulkan kat dataran. Dataran Segamat buat pertandingan. Jadi bila buat pertandingan dia adalah cara-cara dia apa cari buah-buah mana yang cantik, sedap, apa en ha masa tulah dapat menang pertandingan tu. Sekarang pun Kampung Gelang Chinchin (sambil ketawa)

FNH : Ouh dari situ dapat nama Raja Buah tu

AAL : Ha masih benda tu masih baru-baru ni tiga tahun lepas ke rasa tahun dua ribu tujuh belas ke tahun dua ribu lapan belas gitu Pejabat Pertanian ada lagi buat pertandingan tu kat dataran.

FNH : Ouh

AAL : Tapi dia tak buat daerah dia buat kampung-kampung kat Segamat je ha tapi tak ingat sape menang ha Jementah menang.

FNH : Ouh

AAL : Ha Jementah pula

FNH : Ouh maksudnya nama Raja Buah ni tak tetap kepada mana mana kampung?

AAL : Ha tak tetap tapi sebab masa tu heboh dengan zaman tu jadi orang pun masih lagi borak dengan cerita tu padahal cerita tu dah jalan lama dah .. centu

FNH : Ketika itu pada tahun?

AAL : Sembilan puluh-an (tahun)

FNH : Sebab tanah nya yang merah tu?

AAL : Dia panggil Segamat Series. Susah nak jumpa tu, memang dia sebab dia ada campuran volkano volkano abu letusan gunung berapi tu. Dia ada bergabung

FNH : Tu yang buat dia lagi subur?

AAL : Ha ya subur.

FNH : Sampai sekarang ke nama “Kampung Raja Buah” ni?

AAL : Dah takde. Ha kalau ada sekarang pun kat situ dah kurang musim dia. Sekarang kebanyakan nya Jementah pula sebab Jementah banyak komuniti Cina yang buat

apa komersial durian, kebun-kebun durian tu yang banyak ke sana. Kat sana ke Gunung Ledang tu sepanjang lalu Tangkak dengan Segamat tu berapa puluh ekar tanah durian musang king, tu semua dah dah ke sana.

FNH : Kalau macam dekat Kampung Gelang Chinchin tu sendiri dari segi penanaman durian tu dah kurang dah?

AAL : Ya dah kurang, dah makin kurang, masih ada kebun tapi dah berkurang dah.

FNH : Jadi, kita pergi kepada soalan seterusnya, pembangunan dan kemajuan semasa. Bolehkah Encik menceritakan sedikit sebanyak tentang sejarah awal semasa kampung-kampung ini mula membangun?

AAL : Kampung ini mula membangun mula daripada jalan, dulu kan guna sungai kan, mula membangun jalan dia masuk tahun sembilan belas dua puluh enam (1926) daripada Segamat ni nak ke Kampung Sepinang ni melalui jalan masa tu sembilan belas dua puluh enam (1926). Masa tu dibawah JKR. Dulu dipanggil PWD, *Public Works Department*. Sekarang dipanggil JKR. Itulah kali pertama orang panggil apa struktur jalan perahu dah tak digunakan dah. Pastu sungai pun dah terbiar. Sebab sungai dah tak guna. Jadi orang guna sungai pulak. Jalan yang sekarang ni masih jalan yang asal. Dah dilebarkan dua laluan lah, tu masa yang asal lah. Jadi lepas dapat jalan baru *start* (mula) mula orang bina rumah. Ada yang dari tepi sungai, dia angkatnya rumah tu letak kat tepi tepi jalan. Sebab sungai

dah sunyi, nanti rumah dah jauh dari orang ramai jadi dia pindahkan rumah dia tu dia angkat pindahkan ke tepi jalan raya (sambil ketawa) sampai macam tu sekali sampai macam tu sekali disebabkan infrastuktur tu

FNH : Ouh sebab jalan raya baru *time* (ketika) itu?

AAL : Betul, tapi letrik takde lagi, letrik masuk *time* (ketika) kat area kampung Segamat ni tahun tujuh puluh eh enam puluhan ke tujuh puluhan baru kampung-kampung ada letrik. Masa tu bawah LLN, Lembaga Letrik Nasional Negara.. ha Negara.

FNH : Bagaimana pula dengan pengangkutan awal waktu mula-mula kampung ini ditubuhkan?

AAL : *Okay* (baik) pengangkutan awal ditubuhkan melalui sungai iaitu perahu. Perahu yang digunakan biasa perahu kolek dengan perahu jalur. Macam mana kita nak tahu perahu jalur ni baru-baru ni kita ada jumpa lah kat Buloh Kasap. Perahu Jalur tiga puluh kaki panjang. Dia boleh muatkan hampir dua puluh orang dalam satu perahu tu. Besar, dia pakai kayu tunggallah, maksudnya sebatang kayu tu kita tebuk pastu dia buat perahu. Di Kampung Sepinang masih ada lagi, tapi kecik ah dalam lima belas kaki – dua puluh kaki untuk masuk lima orang, empat orang. Perahu ni lah digunakan. Tapi sekarang digunakan untuk banjir jelah, ha lepas dah masuk pengangkutan jalan, jalan raya ni, tahun sembilan belas dua puluh enam (1926), sebab kenderaan dah mula masuk tahun tahun sembilan belas dua puluh

satu (1921) dekat bandar Segamat jadi kebanyakan penghulu dia dah kebanyakannya gunakan kenderaan. Gunakan kereta. Dulu dia panggil motokar, dah pakai diesel jadi kereta ni dibawa masuk tahun sembilan belas dua puluh satu (1921) melalui kereta api daripada Singapore, naik dalam kontena.

FNH : Ouh

AAL : Masa tu ada dicatatkan arwah Cikgu Haji Jiman dalam diari dia sebanyak lima belas buah kereta yang mula-mula ada. Kereta jenis *Ford* aa jenis *Ford so S* no plat dia S. Segamat masa tu S. Pastu ada kata daripada Singapura, S tu daripada Singapura yang diimport bawak ke British maksudnya dari Singapore bawa masuk ke Segamat. Jadi masa itulah permintaan jalan raya tu ada. Tapi bukan tar macam ni (sambil tunjuk jalan raya) batu kelikir yang warna putih macam tu. Bergoyang-goyang. Bukannya tar macam jalan yang sekarang ni. Jadi masa tu jalan raya diguna, masa itulah apa pengangkutan perahu tu dah tak guna.

FNH : Kalau macam dahulu perahu digunakan untuk?

AAL : Untuk pergi perhubungan, untuk pergi berdagang, ke bandar segamat, untuk jual lah rotan-rotan apa semua tu kat bandar Segamat kat Pengkalan Esah melalui sungai Muar. Ada saya pernah *interview* duduk dekat Kampung Batang Lesung, dia kata pergi eh dari Buloh Kasap nak ke Segamat dalam sekejap, mungkin

dalam lima jam enam jam gitu. Sebab sungai liku, bayangkan kalau nak pergi patah balik dua hari. Kalau naik perahu apa perahu jalur ni.

FNH : Kolek

AAL : Ha perahu kolek ni. Lawan arus

FNH : Jadi dia lagi bergerak

AAL : Ya, tapi orang tak guna perahu jalur ni waktu musim air pasang ah air naik kena tunggu waktu apa waktu air surut. Ada yang sebab pakai batang buluh tu untuk tolak, dia tak guna dayuh, dia guna buluh. Maksudnya buluh tu panjang. *So* dia boleh sampai ke dasar tu tolak.

FNH : Dia macam tekan pastu pergi ya?

AAL : Ha iya betul.

FNH : Kalau macam dulu untuk berdagang sahaja lah kalau macam mereka berpindah ke, ke atau

AAL: Ikut kebun.

FNH : Duduk satu tempat, satu tempat je ke atau dia nomad?

AAL : Satu tempat

FNH : Macam mana pula dengan perairan, kalau bila dah *start* (mula) ada jalan tu, jalan tu mengganggu tak sungai-sungai

AAL : Pada awal dia takdelah ganggu sumber lain, cuma dia dah berlaku perubahan corak pertempatan tu. Asal daripada sungai tu, dia dah berkelompok pula ke jalan raya. *So* (oleh itu) sungai tu dah takde penghuni. *So* (jadi) dia jadi kosong jelah dengan dengan apa kayu-kayu balak yang jatuh tumbang apa tak dibersihkan sebab isu ni saya ada jumpa tahun sembilan belas dua puluh tujuh (1927) lepas banjir besar tahun sembilan belas dua puluh enam (1926) kat Segamat tahun sembilan belas dua puluh tujuh (1927) tu ada surat untuk pembersihan sungai

sebab air terlalu banyak sangkut-sangkut kat *area* sungai. Maksudnya tahun sembilan belas dua puluh tujuh (1927) tu masih ada lagi orang gunakan perahu sebab tu dia perlukan sungai bersih apa perlukan sungai tu dibersihkan sebab gangguan balak-balak yang terapung sangkut kat dahan-dahan jadi surat tu kita jumpa masih guna lagi la perahu sembilan belas dua puluh tujuh (1927) tu. Jadi bila dah tak guna perahu ni sungai tu tak guna. Dia berlaku kat situ lah corak pola penempatan tu berubah dulu yang sejajar dengan sungai dah sejajar dengan jalan raya. Dia berlaku kat situ lah.

FNH : Kalau dah penuh dekat jalan raya maksudnya adakah semua keluarga ada kereta tersendiri?

AAL : Takde tapi jadi lagi mudah sebab dah lapang. Pastu isu buaya dah takde. (sambil ketawa) ada juga isu yang kena makan dengan buaya kat Segamat ni

FNH : Kat sini ada buaya?

AAL : Ada, kat Kuala Paya. Isu kena baham dengan buaya. Mati dah.

FNH : Kalau dekat Kampung Sepinang dengan Kampung Gelang Chinchin ni sungai dia ada buaya?

AAL : Kampung Sepinang ni pakai Sungai Muar, adalah. Tapi sungai kecik tu takde. Maksud sungai kecik tu ikut paya takde tapi dekat Sungai Muar berdekatan Kampung Sepinang tu ada buaya. Sampai sekarang masih ada lagi. Cuma tak tahulah, sebab kita pernah jumpa lubuk tapak kaki dia dekat Kampung Batang Lesung tu kita jumpa tapak kaki dia. Ada jalan lah sebab situ ada macam ada tanjung kat situ mendatar dia punya pasir dia memang sesuai dia dekat situ, tapi kita jumpa tapak kaki tu. Tapi tapak kaki dia besar.

FNH : Memang beratlah

AAL : Ha betul

FNH : Kalau dulu-dulu kedai-kedai macam mana?

AAL : Kalau dulu kedai kebanyakan kebanyakan ke bandar bandar segamat memang kat kawasan kampung takde

FNH : Kalau nama kedai ada nama lama ke?

AAL : Nama kedai lama takde, takde maklumat

FNH : Cuma panggil kedai sahaja?

AAL : Ha (angguk)

FNH : Kedai-kedai macam keperluan?

AAL : Betul, sebab orang Kampung Sepinang ni dia boleh pergi dia tengah-tengah, dia boleh pergi ke bandar segamat atau pun ke Buloh Kasap. Buloh Kasap kan ada pekan lama tu, dia akan pergi situ. Tapi dulu, dulu Buloh Kasap dengan pekan segamat ni, hebat lagi pertanian komersial dekat *area* tu Buloh Kasap. Sebab sana banyak keluaran rotan, jual gambir, lada hitam, semua dekat Buloh Kasap. Segamat ni lebih kepada betulkan kain, jahit-jahit kain, lebih nampak komersial. Yang pertanian lebih kepada *area* Buloh Kasap. Sebab tu Buloh Kasap dulu ada stesen kereta api dulu. Sebab orang dari Sepinang punya hasil tu akan letak ke Buloh Kasap dan orang Cina dia akan jual dekat Buloh Kasap.

FNH : Kalau dari segi perniagaan Kampung Sepinang dengan Kampung Gelang Chinchin? Kurang? Perniagaan dia?

AAL : Kurang, sebab hidup dia lebih kepada hidup biasa hidup normal yang takde komersial, bercucuk tanam itu je.

FNH : Kalau macam perumahan dia pun memang semua kayu je? Kayu cengal?

AAL : Awal awal kayu je, bumbung panjang tu. Sebab rumah limas ni sembilan belas sembilan belas dua puluh (1920) ke atas

FNH : Rumah limas?

AAL : Rumah limas ni baru ada kat Segamat. Tapi sembilan belas tiga puluh (1930) ni antara yang banyak

FNH : Itu pun buat sendiri juga?

AAL : Buat sendiri juga. Tapi ada yang beli dekat kilang. Kilang dekat Segamat sembilan belas empat puluh (1940) sembilan belas empat puluh (1940) ni dah ada kilang. Kebanyakkan nya Cina. Tauke-tauke Cina dia kilang kayu yang dah siap potong dah siap ketam apa semua

FNH : Jadi memang tinggal pasang?

AAL : Iya (Sambil ketawa) betul

FNH : Kalau macam dari ilmu-ilmu nak buat perumahan ni memang dari segi keturunan sahaja?

AAL : Betul, dari segi keturunan sahaja.

FNH : Habis kalau ada orang yang nak menuntu ilmu tu, kena tanya dekat orang lain?

AAL : Dia belajar sikit-sikit. Yang saya pernah tahu masa rumah penghulu Semin tu yang dekat Kampung Gelang Chinchin tu, ada tukang Cina kerja sebagai dengan dia dengan penghulu ni untuk pasang rumah. Jadi dekat situ dia *develop* (membina) dia belajar sikit-sikit lama- lama dia dah jadi tauke. Maksudnya dia dah boleh *supply* (mengedar) kayu sendiri tahu dah berapa panjang kayu sawmill yang untuk buat rumah limas, sebab berdasarkan ilmu yang dia kerja dengan orang melayu masa tu.

FNH : Dia belajar sikit-sikit

AAL : Ha betul.

FNH : Sampai jadi *businessman* (penjual)

AAL : Ha betul. Dia dah boleh jual pasang siap orang kata. Rumah pasang siap

FNH : Ada tak kepingan gambar ke gambar-gambar dahulu? Pembukaan awal rumah dia?

AAL : Takde, takde rekod yang tu. Yang kita ada rekod pun masjid Kampung Sepinang yang dah di *renovate* (diubah suai) tahun sembilan belas sembilan puluh (1990). Yang awak tu takde, takde gambar.

FNH : Kalau macam tapak dia sampai sekarang?

AAL : Macam mana?

FNH : Tapak sekarang ada lagi?

AAL : Tapak nya ada, tapi gambar nya takde.

FNH : Kebanyakan rumah pun dah roboh?

AAL: Ya, kebanyakan rumah dah roboh. Yang kita dapat rekod ada yang kita pergi tapak haritu ada enam buah biji rumah. Yang tu je ada lagi.

FNH : Selebihnya dah bina rumah baru?

AAL : Betul, yang daripada kita tengok kat peta yang lama sembilan belas lapan (1980-) ada lima belas buah rumah, itu sahaja yang direkodkan dalam peta, mungkin ada yang tak dapat direkodkan. Daripada lima belas tahun sembilan belas tiga puluh lapan (1938) sekarang tinggal enam je (sambil ketawa) Itu pun dah tak berpenghuni.

FNH : Sebab dia jaga tapak juga ya?

AAL : Ha'ah betul.

FNH : So (jadi) macam pada masa kini Encik Aisyam tahu ke jumlah penduduk yang ada kat bandar Segamat eh dekat kampung dua tu.

AAL: Takde maklumat tentang itu.

FNH : Jadi kalau macam dulu mula dari beberapa keluarga sahaja?

AAL : Betul, daripada beberapa keluarga sahaja.

FNH : Faham-faham, dan kalau pentadbiran dulu pun dari penghulu ya?

AAL : Betul, awal daripada awal Temenggong Muar, pastu dia lantik kepada penghulu, pastu penghulu ni yang jaga anak-anak kampung pasal isu-isu perkahwinan ke, dari segi bantuan, saluran tu semua daripada penghulu. Dia akan melalui penghulu, baru akan disampaikan ke Temenggong Muar. Sekarang ke Sultan Johor.

FNH : Sekarang pun kalau nak pilih penghulu memang kena jumpa dengan Sultan?

AAL : Sekarang penghulu dah boleh daftar, dia dah ada kualifikasi untuk jadi penghulu, ada ada kriteria dia. Dia dah takde lagi apa, amalan amalan dia ni terhapus tahun sembilan belas tiga puluh (1930) yang generasi-generasi ni terhapus pada tahun sembilan belas tiga puluh (1930) so (jadi) dah takde mesti bapak mesti anak, cucu takde dah.

FNH : Ouh dia macam ikut rumah tadi yang bulan bintang tu

AAL : Haah

FNH : Jadi sekarang tu masih ada *design* (corak) bulan bintang tu lagi ke?

AAL : Takde dah (sambil ketawa) sekarang semua dah panggil kontarktor. Buat je.

FNH : Buat sahaja *design* (corak) sendiri?

AAL : Ha'ah, takde dah, identiti tu dah hilang orang kata.

FNH : So (jadi) saya rasa itu sahaja, Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai "kampung Sepinang dan Kg Gelang Chinchin ,Segamat" bersama En. Aisyamuddin Bin Abd. Latip. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas

kesudian dan kerjasama oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temu bual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang Projek Sejarah Lisan untuk para penyelidik buat masa akan datang. Terima kasih.

AAL : Sama-sama

RALAT

6.0 RALAT

Di dalam transkrip ini, terdapat beberapa ralat atau gangguan yang tidak dapat dielakkan sepanjang temubual ini berlangsung. Antara ralat dan gangguan yang ketara adalah seperti berikut:

1. Bunyi enjin kereta
2. Bunyi kerusi
3. Bunyi orang berjalan
4. Bunyi orang lain bercakap
5. Bunyi deruman enjin motor dan kereta
6. Bunyi enjin lori
7. Bunyi kicauan burung
8. Bunyi azan berkumandang

LOG TEMUBUAL

7.0 LOG TEMUBUAL

MASA	PERKARA	MAKLUMAT	KATA KUNCI
00:48	Latar belakang pengkisah	<ul style="list-style-type: none"> ● Aisyamuddin Bin Abd. Latip ● Lahir di Kampung Alai, Gemereh, Johor ● Tadika Kemas di Gemereh, Segamat Johor ● Bersekolah di Sekolah Rendah Kebangsaan Gemereh, Segamat, Johor 	Aisyamuddin, Kampung Alai, Sekolah Rendah Kebangsaan Gemereh
02:02	Asal usul pembukaan Kampung Sepinang dan Kampung Gelang Chinchin	<ul style="list-style-type: none"> ● Kampung Sepinang telah dibuka hampir 300 tahun ● Merupakan hutan belantara ● Diberikan nama Kampung Sepinang kerana terdapat banyak pokok pinang ● Telah dibuka oleh Raja Temenggong Muar ● Pembukaan Kampung Gelang Chinchin adalah berdasarkan mitos ● Dibuka oleh Puteri Santan Bertapis 	300 tahun, Raja Temenggong Muar, Puteri Santan Bertapis
03:47	Fakta/ bukti bagi asal usul pembukaan Kampung Gelang Chinchin	<ul style="list-style-type: none"> ● Tidak mempunyai fakta 	-
03:55	Pengasas bagi Kampung Sepinang dan Kampung Gelang Chinchin	<ul style="list-style-type: none"> ● Telah diterokai oleh Temenggong Muar, Engku Burok 	Temenggong Muar, Engku Burok, Kesang, Muar, Melaka

		<ul style="list-style-type: none"> ● Temenggong masih diperintah oleh Sultan Ali yang mempunyai jajahan di Kesang, Muar dan Melaka. ● Temenggong Muar telah melantik penghulu-penghulu daripada suku-suku yang ada di kawasan kampung. 	
04:52	Anggaran waktu / tempoh bagi Kampung Sepinang dan Kampung Gelang Chinchin	<ul style="list-style-type: none"> ● Dibuka sekitar 1800 tahun 	1800 tahun
05:16	Tarikh bagi penubuhan Kampung Sepinang dan Kampung Gelang Chinchin	<ul style="list-style-type: none"> ● Tarikh yang diberikan adalah berdasarkan tempoh pemerintahan Temenggong Burok sekitar 1800 tahun ● Berdasarkan jumpaan batu-batu nisan lama di kawasan kubur-kubur lama ● Jika terdapat batu nisan Aceh di Kampung Sepinang, tarikh bagi penubuhan kampung tersebut adalah sekitar pada Zaman Melaka. 	Temenggong Burok, 1800 tahun, batu nisan Aceh, Zaman Melaka
05:56	Pengasas bagi Kampung Sepinang dan Kampung Gelang Chinchin	<ul style="list-style-type: none"> ● Diterokai oleh Engku Burok kerana terdapatnya pokok-pokok pinang di kawasan tersebut. ● Terdapat pelbagai versi bagi nama Kampung Sepinang. ● Bagi Kampung Gelang Chinchin, tiada fakta yang 	Engku Burok, MakNgah Saodah, Kisah Puteri Santan Bertapis

		<p>membuktikan dan hanya berdasarkan secara lisan penglipur lara seperti MakNgah Saodah.</p> <ul style="list-style-type: none"> ● MakNgah Saodah merupakan seorang bidan dan banyak mengumpul sejarah serta hikayat lisan orang Segamat. ● Kisah Puteri Santan Bertapis 	
07:26	Tokoh yang menjadi rujukan sehingga pada masa kini	<ul style="list-style-type: none"> ● Rujukan adalah berdasarkan rekod-rekod daripada Arkib Johor dan cerita lisan daripada buku arwah Ungku Zaman bertajuk “Sejarah dan Mitos Bahagian 1”. ● Surat khabar yang menjadi rujukan juga bersumberkan daripada buku tersebut. 	Arkib Johor, Ungku Zaman, buku “Sejarah dan Mitos Bahagian 1”
08:15	Latar belakang bagi tokoh yang menjadi rujukan	<ul style="list-style-type: none"> ● Tiada maklumat 	-
